

## **BAB DUA**

### **NATO DAN KESELAMATAN EROPAH SEMASA PERANG DINGIN**

#### **PENGENALAN**

Keadaan yang tidak menentu di rantau Eropah secara keseluruhannya, ditambah lagi oleh kewujudan Jerman Timur berserta negara-negara Soviet dan sekutu Soviet di Eropah Timur pastinya memberi kebimbangan kepada negara-negara di Eropah Barat tentang bahayanya ancaman komunis kepada rantau tersebut. Oleh itu, negara-negara ini tidak mempunyai pilihan lain selain daripada bersatu padu membentuk ikatan yang kuat. Salah satu cara yang dilihat ke arah menguatkan ikatan di kalangan negara-negara Eropah Barat ini adalah melalui pembentukan sebuah pakatan. Dengan menggunakan rasional ini, negara-negara Eropah Barat berserta Amerika akhirnya menubuahkan NATO sebagai tindak balas kepada ancaman yang berlaku selepas tamatnya Perang Dunia Kedua.

#### **2.1. KEADAAN KESELAMATAN EROPAH SELEPAS PERANG DUNIA**

##### **KEDUA**

Rantau Eropah sejak berzaman telah menjadi pentas dan menyaksikan beberapa peristiwa penting di peringkat antarabangsa. Perjanjian Westphalia pada 1648 yang membawa kepada pembentukan negara-bangsa misalnya merupakan satu inisiatif yang telah dirintis oleh rantau ini. Begitu juga dengan Perjanjian Vienna yang telah menjadi jambatan

hubungan antarabangsa dan diiktiraf sebagai saluran keselamatan, hingga kini membawa corak keselamatan dunia yang nyata.<sup>26</sup>

Rantau Eropah juga telah menyaksikan dua peperangan yang besar iaitu Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Kedua-dua peperangan ini telah tercetus di rantau Eropah, di mana Perang Dunia Kedua turut membabitkan dunia keseluruhannya dalam kancang peperangan. Oleh itu, kajian sistem keselamatan antarabangsa tidak dapat lepas lari daripada membincangkan keadaan yang berlaku di Eropah kerana ianya merupakan rantau yang mampu menukar struktur antarabangsa secara keseluruhannya.

Setelah tamatnya Perang Dunia Kedua, keadaan Eropah terlibat dengan pola pertentangan ideologi komunis dan demokrasi di mana Amerika dan Soviet muncul sebagai agen utama di planet ini.<sup>27</sup> Ancaman kepada rantau Eropah Barat menjadi lebih ketara dengan perluasan pengaruh Soviet Union dengan ideologi komunisme. Pembahagian Eropah kepada dua iaitu Eropah Barat dan Eropah Timur semata-mata berpaksikan ideologi. Soviet Union menguasai Eropah Timur dan di satu pihak lagi Eropah Barat bersama Amerika Syarikat.<sup>28</sup>

---

<sup>26</sup> Gentfrey Lee Williams & Alan Lee Williams, The European Defence Initiative Macmullan, 1986 hlm. 37

<sup>27</sup> Derek Heater & G.R Berridge, Introduction to International Politics, Hervester Wheatsheaf, 1993, hlm 3.

<sup>28</sup> Buchan, NATO in The 1960's. The Implication at Independence, Frecheick A. Praeger, 1964 hlm.14.

Selepas Perang Dunia Kedua, negara-negara Eropah Timur menyebelahi Rusia. Pemisahan Jerman kepada dua iaitu timur dan barat dianggap oleh Soviet Union sebagai garis pemisah dan penampang antara dua blok yang bermusuhan iaitu komunis dan demokrasi, sehingga tercetusnya konflik yang melanda kedua-dua pihak ini selepas berlakunya Perang Dunia Kedua di mana Yalta merupakan tempat pertemuan pemimpin untuk menyelesaikan konflik tersebut. Pada tahun 1945, kebangkitan Jerman telah menyebabkan Rusia menempatkan sejumlah 12 juta tentera dan menyerang Berlin, manakala tentera bersekutu Barat pula menempatkan 4 juta tentera di Barat Rhine River. Tiga pemimpin kuasa-kuasa besar iaitu Franklin Roosevelt, Winston Churchill dan Josef Stalin bertemu bagi tujuan menamatkan perperangan dan pertelingkahan di Jerman.

Kuasa dan pengaruh Rusia telah mula menimbulkan kebimbangan. Ancaman bagi Eropah Barat telah berubah arah dari negara Jerman ke Rusia yang telah mula menguasai Eropah Timur. Ini adalah bertepatan dengan kenyataan Sir Bernard Burrow yang menyebut bahawa "*Potential threat was first seen as coming from Germany later from Russia*".<sup>29</sup> Sungguhpun begitu kuasa besar iaitu Amerika, Rusia, Britain dan Perancis yang sentiasa mengawasi pergerakannya, menyebabkan kebangkitan negara Jerman adalah sesuatu yang tidak mungkin berlaku. Eropah Barat telah mula menyedari bahawa sebuah pakatan perlu diwujudkan bagi mengatasi ancaman yang mungkin timbul di mana dengan bantuan sepenuhnya dari Amerika dapat membantu menyelamatkan masalah ancaman dari Jerman.

---

<sup>29</sup> Sir Bernard Burrows, The Security of Western Europe, London Charles Knight & Co. Ltd, 1972 hlm 30

Sungguhpun Eropah Barat gentar dengan zaman perluasan pengaruh Soviet Union, tetapi ancaman kebangkitan Jerman lebih membimbangkan di kalangan negara Eropah Barat kerana Jerman pernah menguasai Eropah semasa perang dunia Kedua. Oleh itu bagi menghadapi sebarang kemungkinan '*The Rise of Germany*' beberapa pertubuhan telah dibentuk. Antaranya Perjanjian Dunkirk yang membabitkan Perancis dan Britain pada 4 March 1947 dan Brussel Pact pada 4 March 1948 yang membabitkan Perancis, Begium, Netterland dan Luxemburg bagi menyekat kebangkitan Jerman.

Penubuhan 2 buah pertubuhan awal di atas adalah dilihat sebagai bibit-bibit awal ke arah penubuhan sebuah pakatan tentera yang lebih luas membabitkan Amerika. Ini kerana pada tahun 1949, ancaman sebenar yang bakal melanda Eropah telah dapat dikenal pasti dengan lebih jelas yakni Soviet Union dan bukanlah Jerman seperti yang digeruni oleh kebanyakan negara Eropah Barat.<sup>30</sup>

Sungguhpun kebanyakan negara di Eropah masih ada yang memandang remeh ancaman Soviet Union, Winston Churchill pula mempunyai perspektif yang berbeza. Beliau menganggap kekuatan tentera merah di Eropah adalah sesuatu yang bakal mengancam atau '*alarming*'. Dalam suratnya kepada Presiden Harry Truman, beliau menegaskan betapa perlu Eropah Barat dan U.S.A mengembeling kekuatan tentera bagi menghadapi sebarang kemungkinan tindakan tentera merah<sup>31</sup>.

<sup>30</sup> Edt by Arlene Idol Broadhurst, The Future of European Alliance Systems: NATO & the Warsaw Pact, 1982 hlm 29.

<sup>31</sup> K.J Holsti, International Relations A Framework of Analysis New Jersey: Prentice -Itall.Inc 1972

Kederasan ombak komunisme (*communism wave*) melanda Eropah Timur ditafsirkan sebagai *Iron Curtain* atau Tirai Besi oleh Winston Churchill. Ia merujuk kepada Soviet Union dan lingkungan pengaruhnya di Eropah Timur. Pemimpin-pemimpin Eropah mula sedar dan berusaha mengutukuhkan sistem pertahanan mereka bagi menghadapi sebarang kemungkinan oleh tentera merah. Tetapi kekuatan yang digembeling masih tidak mampu mengimbangi kekuatan Tentera Merah. Oleh itu penyertaan Amerika Syarikat di Eropah Barat dilihat sebagai jalan penyelesaian terbaik bagi mengimbangi kemaraan pengaruh komunisme dan kekuatan tentera merah di Eropah Barat. Antara sebab Amerika Syarikat dipilih adalah kerana keupayaan Amerika Syarikat menghasilkan bom nuklear lalu sehingga berjaya menghapuskan kuasa Imperial Jepun di seluruh Asia.<sup>32</sup>

Amerika Syarikat sebenarnya telah cuba membendung kemaraan pengaruh Soviet Union melalui cubaan perlaksanaan Rancangan Marshall pada 5hb Jun 1947. Rancangan ini mengesyorkan supaya Amerika Syarikat memberi bantuan ekonomi kepada negara-negara yang mengalami kemasuhan ekonomi akibat dari Perang Dunia kedua. Tujuannya adalah untuk menguatkan negara-negara itu supaya tidak terdedah kepada pengaruh komunis, namun ia ditolak oleh Soviet Union. Sebagai mengukuhkan lagi

---

<sup>32</sup> F.W.Mulley MP, Politics of Western Defense, London Thames & Hudson 1962 hlm 127

pengaruh Soviet Union di Eropah, Soviet Union telah menubuhkan COMINFORM (*Communist Information Bureau*) selepas itu pada tahun 1947 sehingga kejatuhan Hungary, Bulgaria, Poland dan Cheschoslovakia kepada Rusia bagi menentang pengaruh Amerika Syarikat dan seterusnya melaksanakan aktiviti-aktiviti komunis di Eropah. Presiden Amerika Syarikat, Harry Truman melihat kejatuhan Hungary, Bulgaria, Poland dan Czechoslovakia kepada kuasa komunis Soviet Union.<sup>33</sup>

Maka secara kasarnya Eropah telah terbahagi kepada 2 blok-blok kapitalis yang dibayangi oleh Amerika dan blok komunis atau *Iron Curtain* yang dikuasai oleh Soviet Union. Beliau merasakan Amerika Syarikat perlu campur tangan di Eropah Barat kerana dengan keadaan pertahanan di negara-negara Eropah Barat ketika itu tidak mungkin mereka berupaya berhadapan dengan kemaraan tentera merah. Atas desakan keadaan politik dan tentera yang tidak stabil di Eropah Barat, maka Amerika Syarikat bersama-sama 10 buah negara Eropah telah menubuhkan *North Atlantic Treaty Organization* (NATO) pada 4 April 1949 dan ianya berkuatkuasa pada 24 Ogos 1949.<sup>34</sup>

Di sinilah bermulanya penglibatan Amerika Syarikat yang dianggap penting bagi Eropah Barat kerana gabungan Rusia dan Eropah Timur bukanlah saingan bagi Eropah

---

<sup>33</sup> Howard Cincilta, An outline of American History, United States: United States Information Agency  
<sup>34</sup> Frederick H. Haratmann, The Relations of Nations, 5<sup>th</sup> Edition, Macmillan, 1955.hlm 403

Barat untuk berhadapan dalam era Perang Dingin tersebut. Maka kekuatan Amerika dapat mengimbang kuasa dua ideologi di rantau Eropah. Keupayaan Amerika Syarikat tidak perlu dipertikaikan lagi, di mana penciptaan bom atom yang menamatkan Perang Dunia Kedua serta kesan peperangan yang tidak memusnahkan sistem pertahanan dan ekonominya, menjadikan ianya sumber kekuatan ketenteraan yang unggul. Bagi Eropah Barat yang merasakan ancaman akan bila-bila masa dari Rusia telah menjadikan Amerika Syarikat sebagai rakan pakatannya.

## 2.2 PEMBENTUKAN NATO

NATO adalah singkatan bagi "*North Atlantic Treaty Organization*" adalah diilhamkan penubuhannya oleh Ernest Bevin, Menteri Luar British ketika itu. Hasrat Ernest Bevin menjadi kenyataan apabila pada tanggal 4 April 1949, sepuluh buah negara-negara Eropah yang terdiri daripada Belgium, Denmark, Perancis, Ireland, Italy, Belanda, Norway, Portugis dan United Kingdom dengan disertai oleh negara Benua Amerika iaitu Kanada dan Amerika Syarikat telah bergabung. Mereka telah bertemu dan menandatanganinya di Washington D.C. Keanggotaan NATO bertambah dengan penyertaan Greece dan Turki pada tahun 1952, penyertaan Persekutuan Republik German pada tahun 1955 dan penyertaan Sepanyol pada tahun 1982. Ibu pejabat tetapnya di Perancis (Paris) pada tahun 1967. Pemerintah tertinggi yang pertama menerajui NATO ialah General Eisenhower.<sup>35</sup>

---

<sup>35</sup> Earl C. Ravenal, NATO: The Tides at Discontent, Berkeley:University of California 1985 hlm 30

Untuk memahami penubuhan NATO serta faktor-faktor yang menentukan kewujudan pakatan yang berterusan, faktor-faktor yang telah menyumbang kepada pembentukan pertubuhan tersebut akan dinyatakan di bawah. Namun apabila melihat keadaan ini daripada perspektif yang luas, didapati bahawa sebab utama yang membawa kepada penubuhan NATO ini adalah kerana ancaman yang berterusan daripada Soviet. Ini adalah bertepatan dengan konsep ‘pakatan’ yang digunakan oleh banyak negara semasa era Perang Dingin.<sup>36</sup>

### 2.2.1. Sebab-sebab Pembentukan NATO

Suasana yang tidak menentu di Eropah dan dunia secara keseluruhannya pada tahun-tahun selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua banyak menyumbang kepada penubuhan pakatan keselamatan. Namun, faktor ini sahaja tidak memadai bagi melihat penubuhan pakatan keselamatan ini secara keseluruhannya kerana terdapat beberapa faktor lain yang sebenarnya menyumbang kepada keadaan ini.

Pada ketika peperangan meletus hanya negara-negara yang mempunyai kekuatan ketenteraan sahaja yang dapat menghindari akibat daripada gejala peperangan. Perebutan

---

<sup>36</sup> Stephen M. Walt, Origins Alliances, University Press, 1987, George Liska, Nations Alliance: The Limits of Interdependence, Baltimore, Md. Johns Hopkins University Press, 1977.

Timur menyertai pakatan Warsaw. Masalah vakum kuasa yang wujud di Eropah telah menyebabkan perebutan kuasa dan menjadikan Eropah tidak stabil.<sup>37</sup>

Dari segi ketenteraan di Eropah, jumlah kelengkapan tentera Rusia jauh melebihi blok Barat di kawasan Eropah. Pada tahun 1950an, adalah dianggarkan bahawa pihak blok Kuasa Barat hanya mempunyai lebih kurang 12 divisyen angkatan tentera termasuk 2 divisyen Amerika Syarikat, manakala pihak Rusia pula memiliki sebanyak 25 divisyen angkatan tentera di Eropah dan lebih kurang 125 divisyen secara keseluruhannya (walau bagaimanapun tidak boleh dinafikan bahawa kuasa satu divisyen tentera Rusia hanya mempunyai separuh dari kekuatan yang ada pada divisyen tentera Amerika Syarikat). Divisyen tentera Rusia dilengkapi dengan kereta kebal dan kapal terbang. Dengan kekuatan tentera yang telah dinyatakan, adalah diramalkan bahawa pihak Rusia dapat mengatasi dan menawan sebahagian besar kawasan Eropah.<sup>38</sup>

Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, Eropah diselubungi oleh satu keadaan yang amat genting. Ini adalah kerana ancaman langsung daripada Russia dan negara satelitnya di Eropah Timur yang menggunakan Pakatan Warsaw sebagai strategi utamanya. Keadaan ini menyebabkan Eropah melalui NATO terpaksa mempersiapkan diri mereka dengan segala kemungkinan berlakunya perang seperti yang pernah berlaku dalam krasis Cuba pada 1962 dan beberapa isu lain. Dalam hal ini, pemilikan senjata merupakan cara terbaik ke arah mengimbangi pengaruh Soviet Union yang sangat dominan pada masa itu. Kekuatan pengaruh Soviet Union ini dapat dilihat dalam jadual perbandingan pemilikan senjata yang ditunjukkan di bawah.

<sup>37</sup> Survey Of Current Affairs, Vol. 27, No.3, Mac 1997, hlm. 90.

<sup>38</sup> Kalus, Knorr. Nato: Past – present-prospect. Devon: The European Atlantik Movement 1975

diri mereka dengan segala kemungkinan berlakunya perang seperti yang pernah berlaku dalam krisis Cuba pada 1962 dan beberapa isu lain. Dalam hal ini, pemilikan senjata merupakan cara terbaik ke arah mengimbangi pengaruh Soviet Union yang sangat dominan pada masa itu. Kekuatan pengaruh Soviet Union ini dapat dilihat dalam jadual perbandingan pemilikan senjata yang ditunjukkan di bawah.

**Jadual : Pebandingan Pemilikan Senjata Pemusnah Soviet-Amerika**

Tahun	Amerika Syarikat			Soviet Union		
	ICBM	SLBM	Pengebom	ICBM	SLBM	Pengebom
1967	1054	656	600	570	107	160
1968	1054	656	545	858	121	155
1969	1054	656	560	1025	196	145
1970	1054	656	550	1299	304	145
1971	1054	656	505	1513	448	145
1972	1054	656	455	1527	500	140
1973	1054	656	442	1527	628	140
1974	1054	656	437	1575	720	140
1975	1054	656	432	1618	784	135
1976	1054	656	387	1527	845	135
1977	1054	656	373	1477	909	135

Sumber : International Institute for Strategic Studies, The Military Balance, 1977-1978 dipetik dari Ziegler, David, W., Nato's Nuclear Dilemmas, Little, Brown and Company, Boston, Hlm. 195.

Jadual di atas menunjukkan bagaimana kemampuan ketenteraan yang tinggi dimiliki oleh Soviet Union. Dengan itu keperluan Amerika Syarikat menyertai NATO dapat menandingi kemampuan ketenteran Soviet Union dan Warsaw. Namun, apabila melihat kepada kemampuan ketenteraan, didapati bahawa Pakatan Warsaw lebih

mempunyai kemampuan yang lebih berbanding NATO. Ini dapat dilihat melalui jadual di bawah.

Jenis Kelengkapan	1967		1977		1987	
	NATO	WARSAW	NATO	WARSAW	NATO	WARSAW
Kereta Kebal Utama	5,500	12,500	5,600	16,000	6,500	16,900
Kereta Perisai	11,500	13,200	12,000	19,000	14,000	22,000
Kenderaan Tempur	1,850	1,450	700	1,800	300	1,500
Anti Kereta Kebal	1,100	750	300	4,500	7,500	11,000
Meriam	1,800	2,400	2,200	4,800	2,100	6,800
Jet Pejuang	1,800	2,900	1,500	2,800	1,400	2,800
Helikopter Tempur	50	-	400	240	550	800
Peluru Berpandu Darat Ke Udara	1,100	600	1,200	1,600	1,350	2,100
Jumlah Anggota Persenjataan	27,400	39,900	29,740	56,640	36,100	71,000
Nisbah	1:1.5		1:1.8		1:2.2	

Sumber : CSIS Resources Strategy Project Trip, Oktober-November 1987. Hlm. 28.

Namun, selain dari melihat ancaman dari Soviet ini, terdapat juga beberapa isu lain yang dianggap penting kepada keselamatan Eropah barat pada masa tersebut. Oleh yang demikian seujarlah anggapan bahawa NATO perlu ditubuhkan berasas untuk mengimbangi pengaruh Soviet Union ke atas rantau Eropah. Keadaan yang wujud pada masa itu telah memainkan peranan dalam penubuhan pakatan NATO. Walau bagaimanapun, suasana yang penuh dengan konfrontasi akibat dari ancaman perluasan kuasa Rusia boleh dianggap sebagai mungkin yang membawa kepada penubuhan pakatan itu. Negara-negara Eropah Barat telah melihat pihak Rusia sebagai pihak yang mendatangkan ancaman dan oleh itu telah segera berunding untuk penubuhan NATO.

Oleh itu NATO boleh dilihat sebagai sebuah pakatan ‘*defensive*’, di mana matlamat utamanya adalah untuk menghalang atau ‘*deter*’ pihak Rusia dari menjalankan perluasan kuasa dengan memberitahu pihak Rusia bahawa ia akan menerima balasan yang dahsyat jika meluaskan pengaruhnya atau kuasanya di kawasan Eropah Barat.<sup>39</sup> Ini bermakna konsep ‘*deterrence by punishment*’ (dan bukan ‘*deterrence by denial*’) telah menjadi asas strategi-strategi pertahanan NATO. Seperti kata Sir Michael Howard, “*The concept of deterrence by punishment rather than deterrence by denial has been the fundamental and underlying basis for NATO doctrine*”<sup>40</sup>

Bermula dari situlah maka kelahiran sebuah pakatan pertahanan bermatlamatkan pertahanan bersama (*mutual Defence*) diwujudkan. Kemasukan ahli-ahli baru terus menganggotai NATO iaitu Greece (1951), Turki (1951), Jerman Barat (1955). Sepanyol telah menggotai NATO yang keenam belas pada 1982. Kesemua negara-negara ini diberi kedaulatan yang penuh dan setiap negara ahli perlu mempertahankan kedaulatan ahli-ahli lain jika ada ancaman musuh. Pengwujudan NATO adalah selaras dengan prinsip-prinsip pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, di mana nilai-nilai demokrasi, hak asasi serta mematuhi lunas-lunas perundangan dalam undang-undang antarabangsa.

### 2.3. STRUKTUR DAN PENGURUSAN NATO

Dalam konteks NATO, didapati bahawa untuk menjamin kelancarannya, maka pertubuhan ini juga mempunyai satu sistem pentadbiran dan pengurusan yang agak teratur dan kemas seperti berikut :-

<sup>39</sup> Derek Heater & G.R Berridge, Introduction To International Politics, Harvester Wheatsheaf, 1992, Hlm. 24.

<sup>40</sup> Quayle, Robert E. Hunter dan C. Elliott Farmer. Strategic Defense and Western Alliance. Washington: Center for strategic and International studies, 1998.

### **2.3.1 Atlantic Council**

Pada peringkat tertinggi pentadbiran dan dasar, terdapat sebuah majlis pemutus mutlak yang dikenali sebagai *Atlantic Council*. *Atlantic Council* akan menubuhkan jawatankuasa yang akan membincangkan hal-hal berbangkit. Ia berfungsi melalui pertemuan dengan setiap menteri dan wakil tetap setiap negara anggota. *Atlantic Council* dipengerusi oleh seorang *secretary general* yang berperanan sebagai koordinator dan pengurus perjalanan aktiviti kerja *council*. Beliau dibantu oleh *assistant secretary general* yang bertugas sebagai penggerak bahagian hubungan politik, ekonomi, kebudayaan, produktiviti dan logistik. Beliau juga bertugas sebagai penasihat sains. *Secretary council* pula ialah seorang Setiausaha Eksekutif.

### **2.3.2 Military Committee**

Pentadbiran ketenteraan yang tertinggi adalah *Military Committee* yang akan bertemu sekurang-kurangnya dua kali setahun. *Military Committee* pula mempunyai sebuah jawatankuasa yang berperanan sebagai agen eksekutifnya. Ia dikenali sebagai '*the standing group*' yang dianggotai oleh United Kingdom, Amerika Syarikat dan Perancis. '*Standing group*' berperanan sebagai penentu hala tuju perancangan pertahanan yang dirangka untuk dilaksanakan oleh *Military Committee* dan *Council*. Bagi memastikan kesinambungan dari sumber kepakaran bidang ketenteraan, sebuah pusat latihan telah dibina iaitu NATO Defence College di Paris.<sup>41</sup>

---

<sup>41</sup> F. W. Mulley MP, *Politics Of Western Defence*, London: Thames & Hudson, 1962.hlm 28.

NATO dibahagikan kepada empat zon atau wilayah iaitu Eropah, Lautan Atlantik, Channel , Kanada dan Amerika Syarikat. Bagi wilayah Eropah, ia dikenali sebagai Europe dan diketuai oleh seorang *Supreme Allied Commander of Europe (SACEUR)* dan berpusat di Paris, Perancis. Ketika keadaan aman atau konflik kurang tekanan (*less tension situation*), SACEUR akan bertanggungjawab dari segi memberi, menyedia dan menyelaras peralatan ketenteraan dan sumber manusia serta sering membuat syor-syor yang membina. Dia bertanggungjawab kepada menteri pertahanan, ketua kerajaan dan ketua staf ahli-ahli NATO Zon Eropah. Ketika berlaku sebarang konflik pula, SACEUR bertugas dibawah satu arahan piawai iaitu “ *General Direction* ” dan dibantu oleh seorang *Assistant SACEUR*.

Di bawah SACEUR pula terdapat 4 orang ketua pemerintah yang bertanggungjawab terhadap kawasan sub-Eropah iaitu pertama, di Selatan Eropah yang berpusat di Naples, Italy; kedua, Utara Eropah berpusat di Kolsaas dan Oslo, Norway; ketiga, Mediteranean di Malta dan keempat Eropah Tengah yang berpusat di Fontainebleau, Perancis.

Kawasan Tengah Eropah meliputi utara Cape Town ke utara Afrika dan Atlantik ke Timur sempadan Turki. Zon ini tidak merangkumi UK, Portugal dan Algeria di mana negara-negara tersebut bertanggungjawab menjaga sendiri hal ehwal pertahanan.


Kawasan kedua ialah *Channel* (selat). Ia merujuk kepada wilayah yang merangkumi selat Inggeris dan kawasan selatan iaitu seluruh laut utara. Ia diketuai oleh

seorang Ketua Pemerintah Pakatan *Channel* yang berpejabat di Portsmouth. Beliau bertanggungjawab terus kepada jawatankuasa *Channel (Channel Committee)* yang dianggotai oleh Belgium, Perancis, Belanda dan Britain.

Wilayah ketiga pula merangkumi kawasan Amerika Utara yakni meliputi Alaska, Kanada dan Amerika Syarikat. Ia diurus oleh “ *Canada-US Regional Planning Group* ” yang bertanggungjawab terus kepada *Standing Group* di Washington.

Wilayah keempat dikenali sebagai Atlantic. Zon ini diketuai oleh seorang *Supreme Allied Commander Atlantic (SACLANT)* yang berpejabat di Virginia, USA. Zon ini merangkumi Costal Water ke Utara Amerika iaitu Eropah dan Afrika termasuk Portugal dan Utara Pole ke Tropic oleh Cancer. Kepulauan Iceland dan Aroks juga termasuk tetapi tidak bagi English Channel yang mempunyai entiti pengurusan dan pentadbiran berasingan. Komander atau SACLANT beroperasi seperti rakannya SACEUR. Secara amnya juga mempunyai seorang penolong “ *Supreme Commander* ” ( Perintah Tertinggi ). Di bawah beliau terdapat 4 ketua pemerintah yang mewakili sub-zon atau bahagian tentera iaitu ketua pemerintah bagi Timur Atlantik, ketua pemerintah Timur Atlantik yang berpejabat di Northwood, England, Commander Striking Fleet yang berpejabat di Norfolk, US dan Ketua pemerintah kawasan Barat Atlantik yang berpejabat juga di Norfolk, US.

## Struktur Pentadbiran Awam dan Ketenteraan dalam NATO



## 2.4. PERANAN NATO DALAM MENJAMIN PERTAHANAN DAN KESELAMATAN EROPAH SEMASA PERANG DINGIN

### 2.4.1. Berperanan Mempertahankan Kebebasan Dan Keselamatan Eropah Barat

Peranan NATO adalah untuk mempertahankan kebebasan dan keselamatan kesemua ahli anggotanya melalui pelbagai kaedah samada menggunakan kaedah politik atau ketenteraan seperti yang termaktub dalam prinsip pertubuhan tersebut. Bagi mengukuhkan kewujudan NATO, sebuah ibu pejabat telah dibuka iaitu *Supreme Headquaters, Allied Power, Europe (SHAPE)* dengan General Eisenhower, seorang berbangsa Amerika menjadi komandernya.<sup>42</sup>

Dari segi logistik, beberapa wilayah yang strategik telah dikenal pasti dan dilengkapkan dengan sistem pertahanan. Antaranya ialah di Central Fort, Brenner Trieste, Seandinamia dan Western Fork. Kemudahan pertahanan yang efektif dan lengkap telah juga diwujudkan. Menjelang 1953 di antara Switzerland dan Turki pada 1952 berkesan dari segi peningkatan divisyen kepada 25 divisyen, keadaan geografi yang tidak seimbang masih menjadi faktor yang menghalang kelancaran sistem pertahanan.<sup>43</sup>

<sup>42</sup> Earl C. Ravenal NATO: The Tides at Discontent, Berkeley:University of California 1985 hlm 30

<sup>43</sup> Joseph Godson, Challenges to the Western Alliance: An international Symposium on the changing political economic and military setting, London: Times Books Limited 1984

Walaupun Tentera Merah gagah dari segi kuantiti tentera darat, dari segi kuala tentera NATO mempunyai peralatan yang lebih baik berbanding Soviet Union yang disalurkan oleh USA. Sebagai tindak balas terhadap NATO, Soviet Union telah menubuhkan *Warsaw Pact* pada tahun 1955 yakni sebuah kekuatan ketenteraan Soviet Union bersama-sama sekutunya di Eropah Timur bagi menyaingi dan mengimbangi perkembangan NATO.

#### **2.4.2. Mengimbangi Kuasa Di Rantau Eropah**

Satu perubahan dalam keseimbangan kuasa telah berlaku selepas Perang Dunia Kedua mananya pihak Amerika Syarikat dan Rusia telah muncul sebagai kuasa-kuasa besar di Kawasan Eropah Barat dan Tengah yang dahulunya telah diduduki oleh empat kuarteran besar iaitu Perancis, Belanda, Jerman dan Itali telah ditinggalkan begitu sahaja oleh kuasa-kuasa tersebut selepas Perang Dunia Kedua tamat.<sup>44</sup> Ini telah mengakibatkan berlakunya vakum kuasa di kawasan tersebut. Pihak Rusia sedar akan vakum kuasa yang wujud di Eropah dan ini mungkin telah mendorong mereka meluaskan kuasa mereka di situ.

---

<sup>44</sup>Times Magazine 27 Oktober 1986 & Disember 1988

### **2.4.3. Membendung Kuasa Soviet Union**

Perasaan takut terhadap perluasan kuasa Rusia telah tersebar luas di Eropah Barat dan Amerika Syarikat sebaik sahaja Perang Dunia Kedua berakhir. Perasaan takut ini telah wujud kerana perluasan kuasa Rusia selepas Perang Dunia Kedua dapat dilihat di merata-rata dunia. Contohnya di Iran pihak Soviet Union telah dipaksa keluar oleh Amerika Syarikat dan Britain. Di Turkey, pihak Rusia telah cuba mempergiatkan kekecohan dan ketidakstabilan dalam negara dengan menyokong perang gerila di negara tersebut. Tindakan Rusia mengambil alih kawasan Baltic States, sebahagian dari kawasan Finland, Poland, sebahagian dari negara Jerman, Czechoslovakia, Rumania, Hungary, Albania, Bulgaria dan Yugoslavia jelasnya menunjukkan keinginan pihak Rusia untuk meluaskan pengaruhnya ke kawasan Eropah. Pada 10 Februari 1947, pihak Rusia telah mengambil langkah yang seterusnya untuk memperkuatkan kedudukan di Eropah dengan mengadakan Perjanjian Keamanan dengan negara-negara Itali, Finland, Bulgaria, Hungary dan Rumania, yang menghalang negara-negara tersebut daripada mengadakan sebarang hubungan rapat dengan negara-negara blok Barat. Walaupun pihak Amerika Syarikat telah menjalankan polisi pembendungan perluasan kuasa komunis dengan melancarkan *Doktrin Trauman* dan rancangan *Marshall*, perluasan kuasa komunis masih berterusan.<sup>45</sup>

---

<sup>45</sup>James H. Wyllie, *European Security in the Nuclear Age*, Oxford: Basil Brackwell, Ltd 1986

#### **2.4.4. Menjaga Keamanan Dan Keselamatan Eropah Barat.**

Kebiasaan yang telah dialami oleh pihak negara-negara Eropah selepas Perang Dunia Pertama dan kemudiannya Perang Dunia Kedua telah membangkitkan perasaan revolusi terhadap keganasan antarabangsa. Negara-negara ini juga sedar bahawa mereka ingin mengelakkan perang tercetus lagi di kawasan Eropah. Oleh itu, untuk mencapai tujuan ini pihak Eropah telah cuba memperolehi sokongan dari kuasa besar Amerika Syarikat untuk mencapai matlamat mereka itu. Negara-negara ini cuba mengimbangkan kuasa atau membentuk keseimbangan kuasa baru di rantau itu dengan membentuk pakatan keselamatan tersebut.<sup>46</sup>

Disamping itu Eropah Barat dalam menjaga keselamatan dirantaunya tidak mahu bergantung sepenuhnya kepada PBB. Kegagalan yang dilalui oleh PBB sebelum ini telah menjadikan Eropah Barat begitu gusar dengan keupayaan PBB dalam menangani keselamatan dunia amnya dan Eropah khasnya. Semasa penubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ( PBB ) negara Eropah telah berharap bahawa PBB akan berfungsi sebagai mekanisma yang dapat mengekalkan keamanan antarabangsa. Walau bagaimanapun harapan tersebut tidak tercapai kerana kuasa-kuasa besar dalam Majlis Keselamatan PBB hanya akan dapat mengekalkan keamanan apabila pihak Rusia dan Amerika Syarikat bersetuju untuk berkerjasama.

---

<sup>46</sup> Neal R. Tannahill, The Communist of Western European London: Greenwood Press, 1978 hlm 234.

Kuasa veto ini pula seringkali digunakan oleh kuasa-kuasa besar untuk menjaga kepentingan diri mereka sendiri.<sup>47</sup> Jika satu pihak berpendapat bahawa sesuatu tindakan itu akan mengancam kepentingannya pihak itu akan menggunakan kuasa veto untuk menentukan tindakan itu tidak diambil. Penggunaan kuasa veto juga seringkali menghalang sebarang persetujuan dicapai antara kuasa-kuasa besar. Oleh kerana negara-negara Eropah Barat berpendapat bahawa mereka tidak dapat bergantung kepada pihak Bangsa-bangsa Bersatu untuk menjamin keselamatan mereka dari ancaman pihak Rusia. Negara-negara tersebut telah membentukkan sebuah pakatan keselamatan dengan kuasa besar yang memperjuangkan nasib '*the free world*' iaitu Amerika Syarikat.

#### **2.4.5. Kerjasama Dan Penyelarasian Dengan Amerika Syarikat**

Berlaku satu perubahan dalam dasar luar Amerika Syarikat yang mendorong negara tersebut untuk mengambil bahagian dalam politik antarabangsa. Selepas Perang Dunia Kedua, Amerika Syarikat telah mengenepikan polisi lamanya yang berdasarkan *Doktrin Monroe*. Dasar luar yang telah dipegang oleh Amerika Syarikat telah menghalang negara tersebut daripada menjadi ahli dalam sebarang pakatan di luar Amerika Syarikat.

---

<sup>47</sup> Frederick H. Haratmann The North Atlantic Treaty Organisation: Fact and Figures, Nato, Brussels, The Relations of Nations, 5<sup>th</sup> Edition, Macmillan, 1955

Walau bagaimanapun selepas terlibat dalam dua perang besar di Eropah, Amerika Syarikat mendapat bahawa adalah lebih berfaedah untuk negara tersebut menghalang atau '*deter*' keganasan dengan mengambil langkah-langkah untuk menghalang keganasan daripada berlaku, daripada menunggu hingga peperangan tercetus.<sup>48</sup>

Daripada keadaan di atas dapatlah dinyatakan bahawa peranan NATO semasa era perang dingin adalah amat penting. Ini terutamanya berkait dengan tindakan NATO yang berfungsi sebagai pengimbang kepada ancaman yang berterusan dari Soviet.<sup>49</sup> Namun, perlu diingat bahawa organisasi ini juga mengalami beberapa masalah lain terutamanya yang berkait dengan masalah dalaman organisasi tersebut apabila terdapatnya beberapa isu lain yang timbul pada masa itu misalnya hubungan Eropah-Amerika yang secara tidak langsung mengugat peranan pertubuhan ini.

## 2.5. KEMAMPUAN NATO BERBANDING WARSAW

Saingan daripada pakatan Warsaw ini bukanlah merupakan perkara yang boleh dianggap remeh oleh NATO. Persaingan yang berterusan ini mungkin mampu menyebabkan NATO sendiri terpaksa membangunkan ketenteraan mereka ke tahap yang lebih tinggi lagi dan ini merupakan satu risiko jangka panjang yang perlu dilihat secara berhati-hati oleh negara ini.

---

<sup>48</sup> Stephen Milligan, A Survey on Papandrea's Greece, The Economist, 3hb Julai 1982

<sup>49</sup> Gentfrey Lee Williams & Alan Lee Williams, The European Defence Initiative Macmillan 1986.

Di dalam satu analisis yang dilakukan oleh Projek Strategik CSIS merumuskan bahawa pada pertengahan tahun 1980an, Pakatan Warsaw mempunyai keupayaan mengalahkan tindak balas NATO jika berlaku konflik atau pertempuran semasa Perang Dingin kerana NATO sendiri tidak dapat menandinginya.<sup>50</sup> Senario ini juga mungkin boleh jadi mendesak sehingga pihak NATO terpaksa membuat keputusan samada hendak menggunakan senjata nuklear atau tidak.

Analisis ini telah di buat berdasarkan aliran kualiti- kualiti senjata konvensional Pakatan Warsaw yang ditempatkan di Eropah Tengah , perubahan pada konsep operasi, ketenteraan Soviet dan kemerosotan dari segi kualiti pada sistem senjata NATO. Walaupun penilaian ini bertumpu kepada kawasan tengah, bahagian Utara dan Selatan juga menerima cabaran yang sama.<sup>51</sup>

Satu trend yang membimbangkan ialah ketidakseimbangan dalam kerahan senjata konvensional di Eropah Tengah. Sepanjang 20 tahun persengketaan ini Pakatan Warsaw dan NATO telah mengerah 40,000 sistem senjata konvensional di Eropah Tengah, dengan nisbah 4:1 menyebelahi Pakatan Warsaw, kereta kebal dan kenderaan pertempuran, menguasai senjata-senjata yang digunakan. Bukan itu saja, malah Pakatan Warsaw telah menambah meriam artileri sejumlah tiga kali ganda sejak tahun 1967.<sup>52</sup>

---

<sup>50</sup> Steve Smith, The Contested concept of Security, Institute of Defence and Strategic Studies, Singapore, 2002

<sup>51</sup> Frederick H. Haratmann, The North Atlantic Treaty Organisation: Fact and Figures, Nato, Brussels, The Relations of Nations, 5<sup>th</sup> Edition, Macmillan, 1955.

<sup>52</sup> Peter Calvocoressi (Terjemahan), Politik Dunia Sejak 1945, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993

Kalau dianalisa kedudukan ketenteraan dan senjata yang dikerah yang paling ketara digunakan ialah kereta kebal. Adalah ditaksirkan pada 1980an, terdapat sebanyak 17,000 kereta kebal Pakatan Warsaw berbanding dengan 6,500 kereta kebal NATO di Eropah Tengah. Pakatan Warsaw juga mempunyai kelebihan dari segi kereta kebal yang moden dan terkini. Malah tentera Soviet sahaja mempunyai kelebihan 3:1 ke atas NATO dari segi kekuatan meriam kereta kebal yang boleh menembusi perisai kereta kebal tercanggih NATO.<sup>53</sup> Dari segi kekuatan satu dengan satu, kereta kebal terkini A.S-MIA 1, British-Challenger dan Jerman Leopard II adalah lebih hebat, tetapi dari segi kuantiti, Pakatan Warsaw lebih unggul.<sup>54</sup>

NATO sebenarnya tidak boleh mendabik dada tentang teknologi senjatanya yang kononnya boleh mengatasi kuantiti senjata Pakatan Warsaw. Kemajuan teknologi senjata Pakatan Warsaw, yang terkini di mana kekuatan perisai kereta kebal mereka diperbaiki adalah tanda di mana pelaburan pertahanan NATO nampak seolah-olah sia-sia sahaja.

Berdasarkan analisis, tentera Pakatan Warsaw telah memperbaiki keupayaan mereka untuk melancarkan serangan cara mengejut ke atas NATO. Ini termasuklah kerahan senjata yang dulunya akan mengambil masa berminggu-minggu untuk bergerak, pengurusan tempur dan juga serangan udara.

---

<sup>53</sup>Peter Calvocoressi (Terjemahan), Politik Dunia Sejak 1945, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993

<sup>54</sup>Stanley R.Sloan, NATO's Future Toward A New Transatlantic Bagain, Not Defense On Press, 1985

Kekuatan angkatan ‘perisai berat’ yang aktif disokong pula oleh perkembangan konsep gabungan operasi menekankan ketangkasan, mengejut dan muslihat adalah taktik Pakatan Warsaw untuk mencapai kemenangan yang optimum. Muslihat Pakatan Warsaw adalah sama dengan taktik serangan kilat tentera Jerman semasa Perang Dunia Kedua yang dahulu menekankan kelemahan pada pertahanan NATO dengan menyerang cepat bahagian musuh. Pakatan Warsaw pula telah memperbesarkan angkatan Artilleri (meriam) mereka yang tidak disatukan dengan rejimen kereta kebal. Ini memberikan kelebihan dari segi serangan. Satu lagi trend yang agak kritikal sepanjang dua dekad ini ialah pertambahan ketara dari segi pertahanan udara Soviet di kawasan tengah.

Berdasarkan kajian, Tentera Soviet dan Pakatan Warsaw nyata mempunyai kelebihan 2:1 berbanding dengan pesawat udara NATO. Kelebihan ini adalah disebabkan program pembesaran angkatan pertahanan Warsaw dalam tahun 1970an hingga 1984. Pada tahun 1984 Pakatan Warsaw telah menambahkan saiz angkatan udaranya ke 16 peratus atau tiga kali ganda dari angkatan NATO. Pakatan Warsaw kini bukan sahaja mempunyai kelebihan dari segi jumlah tetapi dari segi kecanggihan seperti kelebihan jarak terbang, muatan peluru, pesawat tempur semua jenis cuaca dan pesawat radar yang canggih.

Dari segi pesawat yang canggih mungkin NATO boleh menandingi Pakatan Warsaw, walaupun NATO hampir mengeluarkan pesawat generasi keempat yang canggih, ini hanya akan menjadi realiti pada akhir tahun 1990an. Dalam jangkamasa ini, pihak Soviet mungkin telah jauh menyaingi NATO dalam program modenisasi mereka

malah helikopter tempur yang diperkenalkan dulu oleh NATO telah mula dicabar dengan berkesan oleh helikopter tempur Soviet. Helikopter tempur '*Havoc*' Soviet adalah setanding dengan jenis '*Apache*' Amerika Syarikat dari segi kekuatan dan kecanggihannya.

Pakatan Warsaw telah mengubah dasar pertahanan di darat dengan keupayaan dan udara mereka. Pakatan Warsaw juga memperkenalkan taktik serangan udara terhadap pertahanan hadapan NATO pada tahun 1960an hingga 1970an. Sekarang taktik yang sama digunakan tetapi serangan awal menggunakan helikopter tempur yang mampu menyerang lebih jauh ke dalam kawasan NATO. Ini barulah disusuli dengan pesawat pengebom yang terbaru '*Back Fire*' yang akan menyerang sasaran penting seperti Pengkalan Udara dan pusat kawalan perintah.<sup>55</sup>

NATO, sebaliknya akan mempunyai masalah semasa kerahan tenaga diperlukan. Angkatannya masih memerlukan antara 10 hingga 14 hari untuk menyediakan satu pertahanan yang padu. Negara-negara anggota seperti Belgium dan Belanda berada jauh dari Daerah Tengah Eropah. Di Jerman pula, 50 peratus dari briged yang aktif terletak lebih dari 100 km dari garisan pertahanan. Ini menyulitkan kerahan secara padu jika berlakunya sesuatu krasis.<sup>56</sup>

---

<sup>55</sup> Stanley R. Sloan, NATO Future Toward A New Transatlantic Bagain, Not Defense On Press, 1985

<sup>56</sup> Sir Peter Hill- Norton, NV Soft Options, London:C Hurst & Company 1978

## 2.6. KESIMPULAN

Memang tidak boleh dinafikan kekuatan ketenteraan konvensional NATO adalah yang terbaik di dunia, tetapi NATO masih mempunyai kelemahan. Masalah pengerahan angkatan konvesional dengan segera jika ada ugutan dari sekutu Warsaw masih mengalami kelemahan. Jika berlaku sesuatu ugutan dan kehadiran Soviet angkatan sekutu NATO dari Amerika Utara tidak sempat untuk membantu. Ini bermakna pelaburan dalam pertahanan NATO harus menumpukan kepada masalah kritikal ini. Pada hakikatnya NATO tidak memerlukan wang yang banyak untuk mengatasi masalah ini tetapi strategi yang bijak untuk menyelesaikan kelemahan tersebut.

Keadaan dan tekanan mendesak dari parti politik yang sentiasa menentang pelaburan pertahanan NATO adalah nyata sekali. Jika keutamaan untuk menyusun semula tentera konvensional tidak dilakukan dengan segera maka ugutan tentera Warsaw adalah di lihat sebagai kelemahan NATO yang diterajui oleh Amerika Syarikat.<sup>57</sup>

Cabarannya seterusnya ialah jika NATO tidak menyelesaikan masalah sesama negara anggota mereka, kemungkinan untuknya mendapat sokongan dari anggota Kongres Amerika adalah tipis. Salah satu masalahnya ialah pembahagian pembiayaan sama rata dalam perbelanjaan ketenteraan.

---

<sup>57</sup> Klaus Knors, NATO and American Security, New Jersey: Princeton University Press., Hlm. 14

Pihak Kongres Amerika Syarikat juga mempunyai muslihat untuk terus menyokong pembiayaan NATO iaitu untuk tujuan mempertahankan kuasa ekonomi di negara-negara anggota. Maka amatlah penting bagi kongres untuk mengambil tindakan konkret yang mereka miliki bagi mengatasi masalah-masalah yang wujud di dalam NATO jika mereka masih mahukan sokongan dari sekutu-sekutu NATO.<sup>58</sup>

Daripada gambaran yang ditunjukkan ini jelaslah bahawa sememangnya NATO merupakan sebuah pertubuhan yang direka khas untuk menahan kemaraan komunis ke rantau Eropah semasa perang dingin. Oleh itu, kemampuan NATO untuk hidup adalah amat bergantung kepada komitmen yang ditunjukkan oleh negara-negara yang menganggotai pertubuhan ini.<sup>59</sup>

Pada hari ini, struktur NATO mempunyai beberapa perbezaan berbanding di era kelahirannya. Operasi NATO tidak hanya terbatas di sekitar Eropah malah di mana-mana tempat di dunia yang diancam Soviet Union. NATO berupaya dengan cemerlangnya mengekalkan kedudukan sebagai sebuah pakatan ketenteraan yang terkuat di dunia. Negara-negara anggota NATO memperolehi faedah dari segi memperolehi keselamatan bersama (membantu negara anggota yang diancam) dan faedah keselamatan bersama yang dihasilkan oleh salah satu negara ahli (pembangunan sistem peluru berpandu antara benua oleh Amerika Syarikat). Setelah lebih 50 tahun, NATO telah memainkan peranan yang amat penting bagi mengekang Soviet Union dan Pakatan Warsaw sehingga kedua-duanya runtuh dan berkubur.

---

<sup>58</sup> Francis Fukuyama, The End Of History, National Interest, 1989.

<sup>59</sup> Mary Mc Anley, Soviet Politics 1917-1997, United State: Oxford University Press 1992.